

D544

U B490 BAH
MAHATHIR - PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 7 APRIL (BERNAMA) -- EKUITI ASING DALAM AGENSI DAN SYARIKAT KERAJAAN YANG DISWASTAKAN DIHADKAN KEPADA 25 PERATUS SAHAJA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, EKUITI TERSEBUT PERLU KERANA ADA KALANYA KEPAKARAN ASING DIKEHENDAKI UNTUK MENJAYAKAN AGENSI DAN SYARIKAT KERAJAAN YANG DISWASTAKAN. BAGAIMANAPUN, IA TIDAK BERMAKNA SETIAP AGENSI DAN SYARIKAT KERAJAAN YANG DISWASTAKAN MESTI MEMPUNYAI EKUITI ASING.

+JIKA TIDAK DIBERI LANGSUNG PUN TIDAK MENGAPA,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA DITANYA MENGENAI MAJLIS TAKLIMAT YANG DIHADIRI OLEH ANGGOTA KABINET PADA PAGI KHAMIS LEPAS DI JABATAN PERDANA MENTERI.

MENURUTNYA, TAKLIMAT ITU BERTUJUAN MEMBOLEHKAN KABINET MENDAPAT MAKLUMAT MENGENAI CARA-CARA AGENSI DAN SYARIKAT KERAJAAN DISWASTAKAN, PRESTASI YANG DICAPAI SERTA SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN.

TAMBAHNYA, IA HANYA TAKLIMAT UMUM SUPAYA KABINET LEBIH MAKLUM MENGENAI PERKEMBANGAN DASAR ITU TERMASUK PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH UNIT PERANCANGAN EKONOMI DAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN. -- BERNAMA
2100MST 07 04 90